

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Kosmo m/s 7 NEGARA 19/12/2024 (KHAMIS)

Saya mohon maaf, akan bayar kompaun – Mohamad

PUTRAJAYA – “Saya akan bayar (kompaun), harap tak lah banyak sangat.”

Itu reaksi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan susulan isu tular memaparkan dirinya merokok di kawasan larangan bersama sekumpulan individu di sebuah kedai makan di Rantau, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Menurutnya, beliau mengesahkan telah menerima notis kesalahan itu yang diserahkan pegawai kesihatan Seremban pagi semalam.

“Saya tak dapat balik ke Seremban, jadi pegawai itu datang menemui saya di sini (Putrajaya) sebab esok (hari ini) saya nak ke Bangkok, Thailand.

“Saya menerima notis kompaun tersebut dan notis kompaun ini akan diserahkan kepada Pejabat Peguami Negara untuk ditetapkan jumlah kompaun,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui pada Majlis Penyampaian Cek Sumbangan Bantuan Kemanusiaan Malaysia Kepada Palestin di Bawah Inisiatif Kerajaan Hashimiah Jordan, di sini semalam.

Katanya, beliau juga memohon maaf secara tulus kepada semua jika isu tersebut menjadi kerisauan awam.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad memaklumkan, pegawai diberi kuasa dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban diarahkan untuk berjumpa Mohamad bagi menyerahkan notis kesalahan itu.

Dr. Dzulkefly sebelum ini juga menegaskan tiada sesiapa yang terlepas daripada undang-undang Akta Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) jika merokok dalam restoran.

“Setelah Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awan, 2024) berkuat kuasa pada 1 Oktober yang lalu, saya berpegang kepada prinsip bahawa ‘Tiada siapa yang boleh mengatasi undang-undang,’” balas Dzulkefly di X.

Dzulkefly mengulas gambar yang dimuat naik di akaun @MsianInciter memaparkan individu dipercayai Mohamad sedang memegang rokok bersama sekumpulan lelaki di sebuah restoran.



GAMBAR tular Mohamad yang merokok di kawasan premis dipercayai di Rantau, Negeri Sembilan dan mendapat reaksi Dzulkefly (kiri).

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN m/s 10 NASIONAL 19/12/2024 (KHAMIS)

Mohamad mohon maaf, akan bayar kompaun

Menteri Luar sahkan telah terima notis kesalahan merokok di kedai makan

Oleh SITI NOOR
FAEZAH MUDA
SHAH ALAM

Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan memohon maaf susulan isu tular memaparkan dirinya merokok di sebuah kedai makan.

Beliau turut mengesahkan telah menerima notis kesalahan itu yang diserahkan pegawai kesihatan Seremban.

"Saya akan bayar (kompaun), harap taklah banyak sangat. Saya tak dapat balik ke Seremban, jadi pegawai itu datang menemui saya di sini (Putrajaya) sebab esok saya nak ke Bangkok, Thailand.

"Saya menerima notis kompaun tersebut dan notis kompaun ini akan diserahkan kepada pejabat Peguam Negara ditetapkan jumlah kompaun," katanya selepas ditemui Majlis Penyampaian Cek Sumbangan

Foto Mohamad merokok di sebuah restoran yang tular di media sosial.



Bantuan Kemanusiaan Malaysia Kepada Palestin di Bawah Inisiatif Kerajaan Hashimiah Jordan, di Putrajaya pada Rabu.

Sebelum ini, tular foto yang dimuat naik di akaun @MsianInciter memaparkan individu dipercayai Mohamad sedang memegang rokok bersama sekumpulan lelaki.

Menurut akaun X berkenaan Timbalan Presiden UMNO itu didakwa merokok di sebuah kedai makan ketika pulang ke kawasan.

Dalam pada itu, Mohamad turut memohon maaf secara tu-

lus kepada semua jika isu menjadi kerisauan awam.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan, pegawai diberi kuasa dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban diarahkan untuk berjumpa Mohamad bagi menyerahkan notis kesalahan itu.

Dr Dzulkefly sebelum ini juga menegaskan tiada sesiapa yang terlepas daripada undang-undang Akta Kawalan Produk Merokok demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) jika merokok dalam restoran.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL


SINAR HARIAN MISC 10 NASIONAL 19/12/2024 (KHAMIS)

JPA nafi wajibkan semua penjawat awam miliki BMI sihat

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan atau arahan untuk mewajibkan semua kakitangan dalam sektor itu memiliki indeks jisim badan (BMI) seimbang mulai tahun depan.

Penafian itu dibuat susulan kenyataan dikeluarkan Pengarah Hospital Miri, Dr Jack Wong Siew Yu pada 7 Disember lalu bahawa JPA mewajibkan semua penjawat awa memiliki BMI yang sihat mulai tahun depan.

JPA dalam satu kenyataan memaklumkan, Pekeliling Perkhidmatan Awam (MyPPSM) Ceraian S.R 2.5.1 Perisytiharan Rekod Kesihatan Bagi Membudayakan Gaya Hidup Sihat Pegawai Awam yang diedarkan pada 6 September 2022 lalu adalah menggalakkan semua pegawainya melaksanakan saringan kesihatan sendiri, termasuk mengambil ukuran berat badan dan tinggi bagi



JPA nafi mewajibkan semua penjawat awam miliki BMI sihat. -*Gambar hiasan*

melihat status BMI dan diisytiharkan dalam sistem.

"Kami ingin menjelaskan bahawa sebarang kenyataan awam yang melibatkan JPA mestilah mendapat kebenaran rasmi daripada JPA. Selain itu, kami juga ingin mengingatkan agar JPA

tidak dijadikan rujukan rasmi tanpa fakta disahkan terlebih dahulu.

"Kenyataan ini dibuat untuk memastikan maklumat yang disampaikan kepada umum tepat dan tidak menimbulkan salah faham," katanya.

AKHBAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

THE SUN DAILY M/S 11 19/12/2024

Scrap insurance premium hike and RM1 withdrawal fee

THE prices of almost everything in the country are rising, while, unfortunately, our wages remain stagnant.

While we can partly blame the global economy for the spiralling living costs, there are measures our government can take to help.

Most importantly, the government must intervene and halt the proposed increase in insurance premiums set to take effect next year. If not stopped, this could have a dramatic boomerang effect, leading to severe negative consequences.

For one, more Malaysians will be forced to turn to public healthcare and this will surely put a strain on doctors, nurses and our public health facilities as a whole.

There are no reports of any insurance companies running into losses, so there is no justification at all for this increase. Additionally, no private hospital has ever faced losses severe enough to force a closure.

Another way the government can help the people, especially those in the lower income group, is by putting an end to the RM1 interbank withdrawal fee.

I never paid much attention to the RM1 fee until the National Union of Bank Employees recently highlighted how this small amount can quickly add up to millions.

Private hospitals, insurance companies and most banks are highly profitable entities that never seem to run dry. These organisations should focus on giving back to society, rather than constantly squeezing the rakyat for every last bit.

I urge our prime minister to put an end to the proposed insurance premium hikes and the RM1 withdrawal fee. The rakyat is struggling. Do not tie boulders to our feet and make things worse.

Nik Imran Nik Hussein
Johor Bahru

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

BH MIS IC NASIONAL 19/12/2024 (KHAMIS)

Nasional



Rawatan kanser otak tanpa pembedahan

Dengan kemajuan teknologi terkini berasaskan radiasi ia lebih selamat

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my


Apabila didiagnosis dengan kanser otak, rata-rata pesakit kebiasaannya beranggapan pengakhiran hidupnya boleh menghampiri pada bila-bila masa sahaja.

Walaupun terdapat rawatan untuk penyakit ini, kebanyakannya hanya bertindak untuk melambatkan proses sel kanser itu daripada merebak dengan pelbagai kesan akan dirasai oleh pesakit seperti hilang ingatan dan terbaring sepanjang masa.

Kanser otak adalah satu pertumbuhan yang terjadi apabila sel-sel dalam otak berkembang secara tidak terkawal, membentuk tumor yang boleh bersifat 'ganas' hingga berupaya membesar dengan cepat dalam tempoh yang singkat.

Tahap agresif pembesaran tumor ini tidak seperti kanser lain (payudara atau paru-paru) kerana ia berdasarkan jenis kanser berkenaan dan dikelaskan mengikut gred iaitu satu hingga empat yang merujuk kepada kecederungannya membesar.

Pakar Perunding Onkologi Klinikal dari Pusat Perubatan Sun-



way, Bandar Sunway, Dr Nik Muhd Aslan Abdullah, berkata bagaimanapun, perbezaan antara kanser otak dengan kanser lain ialah selnya tidak merebak ke organ lain, menyebabkan ia dikelaskan mengikut gred, bukannya tahap.

Katanya, berdasarkan statistik Pendaftaran Kanser Kebangsaan (MNCR), jumlah pesakit kanser otak tidak menunjukkan seba-

rang penambahan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Namun apa yang membimbangkan ialah kanser otak juga boleh menyerang golongan muda, tidak hanya orang tua.

"Faktor genetik dan pendedahan kepada bahan kimia tertentu menjadi antara penyebab utama kanser otak, walaupun faktor gaya hidup tidak dapat dipastikan secara jelas dalam kaitannya dengan penyakit ini.

"Antara simptom awal yang boleh dikenal pasti ialah sakit kepala yang berterusan, terutama jika ia berlaku setiap hari dan tidak hilang walaupun selepas berehat atau mengambil ubat.

"Selain itu, masalah ingatan, sukar untuk mengingati sesuatu (seperti terlupe nombor pin) juga boleh menjadi petunjuk, termasuklah kabur penglihatan, muntah atau sawan yang menunjukkan tumor itu semakin membesar dan memberi tekanan pada otak," katanya.

Revolusi rawatan kanser otak

Menyentuh mengenai rawatan, Dr Nik Muhd Aslan berkata, untuk kanser otak ia lebih bergantung kepada pembedahan invasif yang berisiko tinggi, namun seiring dengan kemajuan teknologi, kini terdapat rawatan terkini yang lebih selamat dan tepat.

"Rawatan terbaharu di negara ini adalah penggunaan Gamma Knife, teknologi berasaskan radiasi yang tidak membolehkan

hirisan pembedahan atau pembukaan tengkorak, lebih fokus dan tepat berbanding radioterapi konvensional.

"Mesin Gamma Knife ini adalah rawatan bukan invasif yang sangat canggih dengan menggunakan pancaran sinaran yang tepat, meminimumkan pendedahan kepada tisu sekeliling yang sihat dan struktur kritikal.

"Ia menggunakan dos radiasi lebih tinggi yang boleh diberikan dalam satu sesi saja, berbanding dengan rawatan radioterapi konvensional yang memerlukan sesi harian selama beberapa minggu.

"Kelebihan Gamma Knife adalah keupayaannya untuk merawat kawasan sangat kecil di dalam otak dengan ketepatan kurang daripada satu milimeter, mengurangkan kesan sampingan seperti kerosakan pada tisu otak yang sihat.

"Selain itu, pesakit yang menjalani rawatan ini boleh pulang ke rumah pada hari yang sama dan kembali menjalani kehidupan normal mereka dalam masa singkat," katanya sambil menyatakan nisbah pesakit lelaki dan perempuan adalah sama.

Jelas Dr Nik Muhd Aslan, teknologi Gamma Knife ini hanya sesuai digunakan kepada orang dewasa saja manakala kanak-kanak tidak digalakkan memandangkan dos radiasi tinggi yang digunakan boleh memberi kesan kepada perkembangan otak kanak-kanak.

Beliu berkata, rawatan Gamma Knife ini memberikan kesan yang sangat minimum kepada tubuh badan pesakit, disebabkan itu mereka boleh menjalani kehidupan seperti biasa, tanpa ramai ketahu bahawa dia menghidap kanser otak.

"Risiko untuk kanser otak menyerang semula masih ada selepas pembedahan mahupun radioterapi.

"Sekiranya berlaku, rawatan Gamma Knife menjadi salah satu pilihan rawatan. Untuk pesakit yang pernah menerima rawatan Gamma Knife dan kansernya berulang, potensi untuk membuat rawatan Gamma Knife lagi masih boleh dipertimbangkan.

"Ada pesakit kami yang sudah buat hingga empat ke lima kali Gamma Knife di kawasan otak yang berlainan.

"Apa yang boleh saya katakan, dengan adanya kemajuan teknologi seperti Gamma Knife, kini terdapat pilihan rawatan kanser otak yang lebih berkesan dan kurang menyakitkan.

"Teknologi ini memberikan harapan baharu kepada pesakit, terutamanya yang mengalami kanser otak agresif dengan kualiti hidup dapat dikekalkan selepas rawatan.

"Walaupun masih banyak yang perlu dipelajari mengenai penyebab dan faktor risiko kanser otak, kemajuan dalam rawatan memberi keyakinan bahawa pesakit ini boleh dirawat dengan lebih baik pada masa depan," runusnya.



Teknologi ini memberikan harapan baharu kepada pesakit, terutama yang mengalami kanser otak agresif dengan kualiti hidup dapat dikekalkan selepas rawatan

Nik Muhd Aslan Abdullah,
Pakar Perunding Onkologi Klinikal dari Pusat Perubatan Sunway, Bandar Sunway